

26/03/2002

Malaysia akan guna semua saluran untuk pertahan hak

SEPANG, Isnin - Malaysia akan menggunakan semua saluran sedia ada bagi mempertahankan hak dan kepentingannya berhubung masalah yang diwujudkan berikutan tindakan menambak laut oleh Singapura.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata ini kerana Malaysia masih menunggu maklum balas Singapura walaupun sudah banyak nota bantahan dihantar ke republik itu berkaitan kebimbangan negara ini terhadap projek penambakan laut itu.

Beliau berkata, ini menunjukkan pemimpin negara itu lebih berminat mempertahankan hak dan kepentingannya tanpa memikirkan kesan kepada pihak lain.

"Bila kita cakap pasal hak, kita jangan lupa bahawa orang lain mempunyai hak. Hak mesti dilaksanakan tidak semestinya memberi kesan kepada pihak lain. Ini cara kita melaksanakan hak.

"Kita tengok Singapura ada minat untuk hanya melihat haknya saja tanpa mengambil kira kesan kepada orang lain termasuk soal emosi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini sekembalinya dari Poland.

Beliau mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam lawatan sembilan hari ke Russia, Jerman dan Poland.

Syed Hamid berkata, Malaysia akan menggunakan sebarang cara berlandaskan hak dan undang-undang antarabangsa bagi menyelesaikan isu itu.

"Bukan saja Singapura yang menghormati undang-undang antarabangsa, Malaysia juga begitu.

"Kalau kita dah buat bantahan dan beri pandangan kepada Singapura dan masih lagi susah untuk diterima, kita kena cari cara lain bagi mengatasi masalah yang timbul," katanya.

Mengenai mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang akan berlangsung di negara ini selama tiga bermula 1 April depan, beliau berkata, semua pemimpin anggota OIC dijangka hadir dengan kebanyakannya menghantar wakil peringkat Menteri dan Timbalan Menteri.

"Ia bukan satu mesyuarat biasa OIC tetapi persidangan khas yang dianjurkan oleh Malaysia yang mendapat sokongan anggota negara OIC lain," katanya.

Persidangan khas itu katanya, bertujuan menonjolkan pendirian Islam bagi memerangi keganasan.

Syed Hamid berkata, Islam telah disalah anggap dan disalah faham sebagai agama yang menggalakkan keganasan.

"Kumpulan pelampau juga terdapat dalam agama lain. Mengapa Islam distereotaip," katanya.

Mengenai lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau berkata, pemimpin negara yang dilawati memberi penghormatan tinggi kepada Malaysia.

"Ini saya fikir sesuatu yang amat membanggakan bila pemimpin negara maju dan lebih besar memberikan pengiktirafan yang amat tinggi.

"Apa yang menonjol ialah penerimaan Perdana Menteri sebagai pemimpin negara Islam yang dapat memberikan pandangan dan tanggapan Islam yang penuh kesederhanaan dan dapat mempengaruhi pemikiran masyarakat Islam antarabangsa," katanya.

(END)